



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A 2017/05/32 (HQ)

### **TENAGA SAFETY DAY: MEMBUDAYAKAN KESELAMATAN MELALUI AMALAN LIFE-SAVING RULES (LSR)**

Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah memperkenalkan *Tenaga Safety Day (TSD)* sebagai acara tahunan bagi membudaya dan memantapkan amalan keselamatan kepada seluruh 35,000 warga kerjanya.

Ia turut melancarkan *Life-Saving Rules (LSR)*, iaitu satu peraturan keselamatan bagi memastikan kerja-kerja berisiko tinggi dilaksanakan dengan selamat selain mempertingkatkan prestasi keselamatan TNB secara amnya.

“Keselamatan pekerja adalah paling utama dalam TNB,” kata Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Datuk Seri Ir. Azman Mohd ketika berucap di majlis perasmian TSD 2017 dan pelancaran LSR oleh Pengerusi TNB, Tan Sri Leo Moggie di sini semalam.

Menurut Azman LSR tersebut mesti dipatuhi warga kerja TNB dan kontraktor-kontraktornya pada setiap masa di premis TNB atau ketika melakukan kerja-kerja TNB.

“Apabila warga kerja atau kontraktor berhadapan situasi yang mana mereka tidak dapat mematuhi peraturan-peraturan ini, mereka mesti menghentikan kerja itu serta-merta dan memaklukkannya kepada pengurus atau penyelia mereka,” kata Ir. Azman.

TSD 2017, dengan tema *Get Home Safe* turut melibatkan pameran oleh agensi-agensi kerajaan yang berkaitan seperti Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH), Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan dan Suruhanjaya Tenaga (ST).

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada jam 2:00 petang, 16 Mei 2017**

*Untuk sebarang pertanyaan media, sila hubungi Nor Hanim Idris (019-2617617) /  
Datuk Omar Sidek (013-3418988) atau emel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*